

BAB III: KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan bagi mengutip maklumat mengenai amalan membina ujian pencapaian akademik pelajar oleh guru akan merangkumi reka bentuk penyelidikan, pengumpulan maklumat dan analisis dapatan kajian.

Reka Bentuk Penyelidikan

Pengkaji akan menggunakan kajian kes sebagai kaedah kajian. Pemilihan ini dibuat dengan harapan mendapat gambaran keadaan yang sebenarnya berlaku dan memungkinkan penghuraian yang banyak oleh sampel yang dikaji dan perbincangan dengan sampel dapat dijalankan. Melalui kaedah ini juga memungkinkan pengumpulan maklumat tentang sikap dan pandangan tentang individu yang terlibat dalam proses melaksanakan pengujian di sekolah dapat dijalankan oleh pengkaji. Kaedah ini juga memungkinkan menggunakan pelbagai teknik untuk mendapatkan maklumat iaitu temubual dan analisis dokumen.

Dua orang guru sebagai kes kajian ini, mereka dari sekolah bantuan kerajaan yang mengajar tingkatan enam atas dan terlibat melaksanakan ujian pencapaian pelajar di sekolah. Kedua-dua guru tersebut mengajar mata pelajaran Pengajian Am di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Mata pelajaran Pengajian Am dipilih kerana pengujian mata pelajaran tersebut diadakan dalam bentuk soalan esei dan objektif, pelajarnya terdiri daripada aliran sains dan sastera

dan merupakan mata pelajaran pilihan utama calon-calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Guru tersebut masing-masing seorang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Setapak dan Sek Menengah St. John, Kuala Lumpur.

Pemilihan guru di sekolah tersebut adalah berdasarkan kesanggupannya melibatkan diri dan memberi kerjasama dalam kajian. Latar belakang guru yang menjadi subjek kajian adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1

Latar Belakang Subjek Kajian

Latar Belakang Subjek	Kod Subjek	
	Pn. Mai	Pn. Zai
Kelulusan akademik	B. A.(Hons)	B. Sc. ed. (Hons)
Kelulusan ikhtisas	Diploma Pendidikan	—
Bidang pengkhususan	Bahasa Melayu & Geografi	Biologi & Kimia.
Pengalaman Mengajar	8 tahun	14 tahun
Pengalaman mengajar Pengajian Am	6 tahun	14 tahun

Pengumpulan Maklumat

Maklumat dikumpul daripada dua orang guru dari dua buah sekolah yang berlainan selama empat minggu. Maklumat - maklumat diperolehi dengan cara temubual dan analisis dokumen.

Temubual

Temubual akan digunakan bagi mengumpul maklumat tentang aspek yang berkaitan dengan amalan guru melaksanakan ujian pencapaian akademik ke atas pelajar. Melalui temubual pengkaji akan mendapat gambaran yang jelas tentang proses pemikiran seseorang. Pengkaji akan menggunakan temubual berstruktur bagi mendapatkan maklumat daripada sampel.

Temubual dijalankan dengan memperkenalkan tujuan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji dan segala maklumat adalah dirahsiakan serta identiti guru tidak akan didedahkan. Maka pengkaji menggunakan kod bagi setiap guru yang menjadi subjek kajian. Masa dan tarikh temubual ditetapkan berdasarkan persetujuan guru. Semasa temubual dijalankan, pengkaji tidak memberi sebarang panduan kepada subjek kajian, pengkaji hanya memberi soalan-soalan yang berkait dengan soalan kajian dengan harapan mendapat jawapan yang tepat mengikut pemahaman mereka tentang pelaksanaan ujian di bilik darjah yang telah mereka jalankan.

Pengkaji merakamkan temubual dengan menggunakan pita rakaman dan mencatat isi-isi penting, kemudian selepas temubual pengkaji membuat transkripsi

daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan, ini memudahkan pengkaji membuat petikan ke atas idea-idea subjek yang relevan dengan tujuan kajian.

Pekara-pekara yang ditemubual ialah tentang kefahaman guru dalam aspek-aspek pengujian yang melibatkan tujuan guru mengadakan ujian, teknik pembinaan ujian, jenis item yang lazim digunakan, pentadbiran ujian, pembinaan skim jawapan, pemeriksaan skrip jawapan, dan sistem permarkahan yang digunakan oleh guru. Temubual juga cuba meninjau pandangan guru tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru berkaitan dengan pengujian di sekolah. Panduan temubual adalah seperti Lampiran A.

Analisis Dokumen

Analisis dokumen dijalankan ke atas kertas soalan bagi peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun 1997. Tumpuan analisis ialah terhadap dua kertas peperiksaan iaitu Kertas 1, merupakan kertas soalan objektif dan kertas 2, merupakan kertas soalan esei. Tujuan analisis soalan dijalankan ialah untuk mengetahui sampel item berdasarkan sukatan pelajaran, Jadual Penentu Ujian berdasarkan aras kemahiran taksonomi Bloom dan ciri-ciri item. Pekara-pekara yang akan dianalisis seperti berikut.

1. Soalan mengikut aras kemahiran taksonomi Bloom - pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian.
2. Tugas soalan jelas, tepat dan sesuai dengan peringkat pembelajaran pelajar.

3. Gambar rajah dan stimulus lengkap, jelas dan sesuai dengan kehendak soalan.
4. Soalan pilihan kepada suatu bahagian sama aras kesukarannya. (soalan esei)
5. Pilihan jawapan bersesuaian daripada segi nahu, idea dan golongan (soalan objektif).
6. Sampel topik atau sub-topik yang disoal mewakili sukatan pelajaran.
7. Format kertas soalan sama seperti format STPM.

Penganalisan Maklumat

Maklumat yang diperolehi daripada temubual dan analisis ke atas kertas soalan peperiksaan dianalisis untuk menjawab soalan kajian. Pengkaji menilai semula temubual yang telah ditranskripsi, kemudian menulis dengan cara menghuraikan apa yang telah disampaikan secara terperinci dengan sedutan dan contoh-contoh yang sesuai, bagi menjawab soalan - soalan kajian. Temubual adalah berpandukan butiran seperti Lampiran A.

Analisis juga dibuat ke atas kertas soalan peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun yang telah ditadbir oleh guru ke atas pelajarinya. Analisis kertas soalan berpandukan ciri-ciri seperti dalam Lampiran B, sukatan pelajaran Pengajian Am seperti Lampiran C dan kertas peperiksaan Pengajian Am STPM tahun 1997, seperti Lampiran D.